

19/12/1997

Hospital, hotel, badan belia menang anugerah PM

KUALA LUMPUR, Khamis - Sebuah hospital kerajaan, hotel bertaraf lima bintang dan persatuan belia di skim tanah rancangan Felda, dipilih memenangi Anugerah Kualiti Perdana Menteri (AKPM) dalam kategori masing-masing kerana menunjukkan pengurusan cemerlang sepanjang tahun ini.

Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) Kuantan memenangi anugerah itu bagi kategori sektor awam, manakala Hotel Shangri-La Kuala Lumpur bagi swasta dan Persatuan Belia Rahmat Felda Lembah Klau, Raub, untuk kategori sosioekonomi.

HTAA diwakili Dr Ahmad Razin Ahmad Mahar; Hotel Shangri-La diwakili Pengurus Besarnya, Mark Heywood, manakala Persatuan Belia Rahmat Felda Lembah Klau diwakili pengerusinya, Abdullah Abu Bakar.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyampaikan anugerah berkenaan pada majlis yang diadakan serentak dengan Simposium Kebangsaan Kerajaan Elektronik di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali. Setiap pemenang menerima RM30,000, sebuah piala dan sijil penghargaan.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, kejayaan ketiga-tiga organisasi itu membuktikan kesungguhan mereka untuk sentiasa cemerlang dalam bidang masing-masing.

Sehubungan itu, beliau meminta kecemerlangan mereka dijadikan teladan di samping anugerah itu diharap akan dapat memupuk semangat persaingan yang sihat.

"Pembelajaran yang berkesan ialah mengikut jejak mereka yang berjaya kerana dalam usaha mencapai kejayaan itu, pelbagai dugaan dan ranjau dilalui. Malah, sesetengahnya pernah mengalami kegagalan.

"Daripada pengalaman ini, kita bukan saja dapat belajar daripada kekuatan mereka yang berjaya, tetapi juga kesilapan yang dilakukan," katanya.

Menurutnya, hakikat itu adalah benar dalam semua bidang dan relevan kepada semua bentuk organisasi dan sesebuah negara.

Sebanyak 62 organisasi memohon untuk dipertimbangkan bagi AKPM dengan 23 daripada membabitkan mereka dari sektor awam, 14 (swasta) dan 25 (sosioekonomi).

AKPM mula diperkenalkan sejak 1990 dengan pemberian anugerah itu adalah salah satu daripada aktiviti utama di bawah Gerakan Budaya Kerja Cemerlang.

Anugerah tahunan itu diwujudkan dengan tujuan untuk menggalak dan meningkatkan kesedaran mengenai kualiti dalam sektor awam, swasta dan sosioekonomi.

Selain itu, ia juga bertujuan memberi pengiktirafan secara formal kepada organisasi yang menunjukkan pemahaman yang mendalam mengenai pengurusan dan peningkatan kualiti serta yang sudah mencapai tahap kepemimpinan kualiti unggul.

Di samping itu, ia turut menekankan aspek memberi publisiti mengenai strategi kualiti yang berjaya serta menggalakkan saingan sihat di antara organisasi terbabit.

(END)